

profil PARA PENGARAH



SHARKAWI ALIS, berusia 62 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 7 Januari 2005 dan kemudian dilantik sebagai Pengerusi Bukan Bebas Bukan Eksekutif pada 3 September 2007. Ahli Jawatankuasa Pemilihan. Beliau ditauliahkan Barrister-at-law daripada Middle Temple, London pada tahun 1971. Berkhidmat dalam Perkhidmatan Kehakiman dan Guaman Malaysia dalam pelbagai kapasiti selama 11 tahun sebelum dilantik sebagai Penasihat Undang-Undang Kumpulan Malaysia Mining Corporation Berhad. Pada Januari 1997, beliau menyertai Suruhanjaya Sekuriti Malaysia sebagai Pengarah Bahagian Penyeliaan Pasaran dan kemudian sebagai Pengarah Bahagian Sumber Korporat sehingga Mac 2003. Beliau juga merupakan Pengerusi Malaysian Reinsurance Berhad, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., MNRB Retakaful Berhad, Labuan Reinsurance (L) Ltd., Malaysian Re (Dubai) Ltd. dan Pulau Springs Resorts Berhad. Beliau turut menyandang jawatan Pengarah MIDF Amanah Asset Management Berhad, Malaysian Industrial Development Finance Berhad, MIDF Amanah Investment Bank Berhad, MIDF Property Berhad, Motordata Research Consortium Sdn. Bhd. dan sebuah syarikat sendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali melalui jawatan sebagai Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.



ANUAR MOHD HASSAN, berusia 56 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Eksekutif Bukan Bebas MNRB Holdings Berhad berkuatkuasa mulai 1 April 2008 dan Presiden & Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan. Ahli Jawatankuasa Pelaburan. Beliau pernah menyandang jawatan Pengarah Urusan Syarikat daripada 1 November 1994 hingga 31 Mac 2005. Berikutan penstrukturan semula Kumpulan MNRB, jawatan beliau telah ditukar sebagai Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif berkuatkuasa mulai 1 April 2005 hingga 31 Mac 2008. Insurer Berkanun dan ahli bersekutu Institut Insurans Malaysia sejak 1996. Telah menghadiri dan menamatkan Program Pengurusan Lanjutan (AMP) anjuran Harvard Business School pada tahun 2004. Beliau memiliki pengalaman selama lebih daripada 30 tahun dalam industri insurans. Memulakan kerjaya pada tahun 1974 sebagai Eksekutif di Great Eastern Life Assurance Co. Ltd. dan kemudian ditugaskan ke pejabat New Zealand Insurance Co. Ltd., United Kingdom sebagai Eksekutif Pelatih. Selepas itu beliau menyertai pejabat New Zealand Insurance Co. Ltd. di Kuala Lumpur sebagai Eksekutif/Pengurus. Menyertai Malaysian National Reinsurance Berhad pada tahun 1980 sebagai Pengurus Pengunderaitan, memegang pelbagai jawatan sebagai Penolong Pengurus Besar, Timbalan Pengurus Besar, Pengurus Besar/Setiausaha Syarikat dan Pengurus Besar Kanan. Beliau adalah bekas ahli MAPEN 2 dan juga merupakan Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad, Takaful Ikhlas Sdn. Bhd., Labuan Reinsurance (L) Ltd, International Centre for Leadership in Finance (ICLIF), Motordata Research Consortium Sdn. Bhd., Malaysian Re (Dubai) Ltd., MNRB Retakaful Berhad dan Labuan Re Underwriting Limited serta sebuah syarikat sendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali melalui jawatan sebagai Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Beliau juga tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

profil para pengarah



P. RAVEENDEREN, berusia 64 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif Kanan sejak 11 November 1993. Pengerusi Jawatankuasa Audit, ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan Jawatankuasa Pemilihan. Insurer Berkanun. Bekas Ketua Pegawai Eksekutif Royal Insurance (M) Sdn. Bhd. sejak 1985 sehingga penggabungan syarikat tersebut dengan Sun Alliance Insurance (M) Sdn. Bhd. pada 1 September 1999 di mana beliau menyandang jawatan Pengarah Eksekutif Royal & Sun Alliance Insurance (M) Bhd. sehingga persaraan pada 31 Ogos 2001. Beliau juga merupakan pengarah Malaysian Reinsurance Berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.



DATO' SYED ARIFF FADZILLAH SYED AWALLUDDIN, berusia 65 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 31 Januari 2003. Pengerusi Jawatankuasa Pemilihan, ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Imbuan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya, memperolehi Diploma Perhubungan Antarabangsa daripada Universiti Oslo, Diploma Pentadbiran Pembangunan daripada London School of Economics dan Ijazah Sarjana Perhubungan Antarabangsa daripada Universiti New York. Pada tahun 1967, beliau menyertai perkhidmatan Kerajaan dan kemudian ditugaskan ke Kanada, Libya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu di New York dan Indonesia. Dilantik sebagai Duta ke Fiji pada tahun 1988, Republik Korea dan seterusnya Thailand sehingga beliau bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan pada tahun 2001. Beliau kini merupakan Pengerusi LCL Corporation Berhad, di samping menyandang jawatan Pengarah bagi Malaysian Reinsurance Berhad, MNRB Retakaful Berhad dan sebuah syarikat tersenarai awam, EcoFirst Consolidated Bhd. serta sebuah syarikat sendiri berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.



YUSOFF YAACOB, berusia 61 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 10 November 2004. Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Risiko dan ahli Jawatankuasa Imbuan. Berkelulusan Diploma Pengajian Insurans & Pengurusan Insurans daripada University of Nottingham, United Kingdom. Beliau juga merupakan Pelatih Insurans Bertauliah dan ahli bersekutu Chartered Insurance Institute, United Kingdom. Memulakan kerjaya sebagai Pelatih Insurans di Malaysian National Insurance Berhad pada tahun 1970 dan menjawat jawatan sebagai Pengurus Marin sehingga tahun 1979. Menyertai Petroliaam National Berhad (PETRONAS) pada tahun 1979 sebagai Pengurus Besar (Bahagian Insurans) sehingga persaraan pada tahun 2003. Beliau turut menyandang jawatan Pengarah Malaysian Reinsurance Berhad dan Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.

profil para pengarah



DATUK MOHD KHALIL DATO' MOHD NOOR, berusia 68 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 14 Disember 2004. Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan dan Jawatankuasa Pengurusan Risiko. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sastera daripada Universiti Malaya dan turut memperolehi Diploma Dasar Komersil daripada GATT Training Institute di Geneva, Switzerland. Beliau pernah berkhidmat sebagai Ketua Audit Negara dari 1994 hingga 2000 dan sebagai Setiausaha Jawatankuasa Pelaburan Luar Negara, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Perdagangan dan Industri serta Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya. Kini, beliau merupakan Pengerusi TIME Engineering Berhad. Beliau juga merupakan Pengarah IOI Corporation Berhad, Malaysian Reinsurance Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad dan MNRB Retakaful Berhad serta dua buah syarikat sendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham utama MNRB Holdings Berhad kecuali melalui jawatan sebagai Pengarah nomini Permodalan Nasional Berhad. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.



MEGAT DZIAUDDIN MEGAT MAHMUD, berusia 63 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bebas Bukan Eksekutif sejak 24 Ogos 2006. Pengerusi Jawatankuasa Imbuan, ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan. Berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Sains (Ekonomi) (Kepujian) daripada Universiti Queens di Belfast, Utara Ireland. Beliau adalah ahli bersekutu Institute of Chartered Accountants di Ireland dan juga ahli Institut Akauntan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat di Golden Hope Plantations Berhad sebagai Pengarah Kumpulan, Kewangan, di Arab-Malaysian Merchant Bank pada mulanya sebagai Pengurus Besar – Operasi dan kemudian sebagai Pengurus Besar – Pelaburan, Bank Simpanan Nasional sebagai Pengurus Kewangan dan sebagai Akauntan Perbendaharaan di Jabatan Am. Beliau juga merupakan Pengarah di Malaysian Reinsurance Berhad, Pernec Corporation Bhd., Alliance Financial Group Bhd. (dahulu dikenali sebagai Malaysian Plantations Berhad), Alliance Bank Berhad, Alliance Investment Bank Berhad, Alliance Investment Management Berhad, MNRB Retakaful Berhad dan beberapa syarikat sendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham MNRB Holdings Berhad, dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Tidak mempunyai sebarang percanggahan kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri kesemua enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.



PAISOL AHMAD, berusia 55 tahun. Warganegara Malaysia. Pengarah Bukan Bebas Bukan Eksekutif sejak 11 April 2008. Ahli Jawatankuasa Audit dan Jawatankuasa Pelaburan. Beliau memegang Diploma Perakaunan daripada Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan ahli Fellow Association of Chartered Certified Accountants, United Kingdom. Beliau juga merupakan Akauntan Bertauliah dengan Institut Akauntan Malaysia, Fellow Financial Services Institute of Australasia dan Perancang Kewangan Bertauliah dengan Persatuan Perancangan Kewangan Malaysia. Beliau pernah berkhidmat sebagai Akauntan Kanan di Pernas Charter Management Sdn. Bhd. dan kemudian menyandang beberapa jawatan dalam Amanah Saham Nasional Berhad sebelum dilantik sebagai Pengarah Eksekutif/Naib Presiden Kanan II. Beliau kemudian dipindahkan ke Permodalan Nasional Berhad dan kini merupakan Naib Presiden Kanan I, Bahagian Audit Pengurusan Kewangan & Pengurusan Risiko. Beliau juga merupakan Pengarah di Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. serta sebuah syarikat sendirian berhad. Tidak mempunyai pertalian dengan mana-mana pengarah dan/atau pemegang saham MNRB Holdings Berhad kecuali melalui jawatan beliau sebagai pengarah nomini dan kakitangan Permodalan Nasional Berhad dan tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dengan MNRB Holdings Berhad dan tidak pernah disabitkan dengan sebarang kesalahan dalam tempoh 10 tahun yang lalu. Beliau telah menghadiri lima daripada enam Mesyuarat Lembaga yang telah diadakan sepanjang tahun kewangan.